

Qalam

Bilangan 61 – August 1955 Zulhijjah 1374 – 60 sen

Berkorbanlah!

Labbayka Allāhumma labbayk – inilah hamba-Mu hai Tuhanku, inilah hamba-Mu menunaikan panggilan-Mu! Inilah sahutan umat Muslimin di padang tandus Arafah menyambut seruan Tuhanneya di dalam hari raya korban yang kita rayakan hari ini! Pada dewasa itu hati manusia adalah bersiap-sedia untuk mengorbankan dirinya, hartanya, kepada jalan Allah – mengaku bersedia member pengorbanan untuk menegakkan kalimah tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah! Pada hari itulah sepatutnya tiap-tiap hatikita, jiwa dan ruh kita menyempurnakan kehendak dan janji yang kita ucapkan sebanyak lima kali sehari semalam: “Sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku kerana Allah Subhānahu wa Ta‘ālā” – memberipengorbanakerana Allah? Marilah di dalam hari raya korban ini kita tafakkur bersama-sama bagi mengetahui adakah kita telah member pengorbanan atau tidak.

Di sebalik itu kita ucapkan selamat berhari raya selamat member pengorbanan dan menganjurkan supaya tiap-tiap umat Islam hendaknya siap sedia berkorban untuk menegakkan kemuliaan agama kita.

Berhati-hatilah!

Tatkala membidas kenyataan Hāji ‘Abdullāh ‘Ābbas yang menganjurkan supaya orang-orang Islam hendaklah memilih orang-orang Islam sahaja, Tengku Abdul Rahman putera Yang di-Pertua UMNO

dan seorang kuat ahli Perikatan UMNO – M.C.A

- M.I.C. di antara lain-lain mengatakan bahawa yang demikian itu akan menerbitkan satu perkara: perjuangan dan petumpahan darah. Yang demikian itu katanya adalah sangat merbahaya sambil berkata pula bahawa adakah kita akan suka melihat perempuan dan kanak-kanak kita mati, atau menyebabkan perempuan-perempuan dan kanak-kanak lain mati?

Kita sangat berduka cita melihat percampuran Tengku itu kepada perkara-perkara yang mengenai agama dan membidas fahaman-fahaman agama itu dengan tidak menyiasat atau bertanya lebih dahulu kepada sahabat-sahabatnya atau dengan lebih terang kepada “penasihat-penasihat” agamanya kerana dengan kejihilannya, sekalipun ia seorang Islam terus sahaja menuju kepada orang-orang yang membawa keterangan-keterangan agamanya dengan alasan-alasan yang kuat menyentuh hendaklah memilih orang-orang Islam – tidak orang yang bukan Islam sebagai mewakilinya di dalam pemerintahan yang mengenai masyarakatnya.

Adakah orang-orang yang bukan Islam itu boleh dipercayai untuk menyelenggarakan halehwal orang Islam? Bagi orang Islam jawabnya tentu tidak tetapi bagi Tengku yang mendasarkan perjuangannya kepada “kebangsaan” (mengikut istilah kebangsaan Perikatan) tentu tidak gemar mendengar yang demikian itu kerana berlawanan dengan perasaan nafsunya.

Kewajipan bagitiap-tiap orang Islam mengikut perintah daripada Tuhan – bukan kemahuan hawa nafsunya – adalah diperingatkan jangan sekali-kali memilih orang-orang kafir untuk dijadikan pemimpin baginya. Di dalam surah Āli ‘Imrān ayat 28 Tuhan dengan terang menyatakan (maksudnya): “Janganlah orang-orang Mukmin menjadikan orang-orang kafir itu pemimpin selain daripada orang-orang yang beriman”.

Di dalam surah al-Nisā’ ayat 144 firman-Nya (maksudnya): “Hai sekalian orang-orang yang beriman janganlah kamu jadikan orang-orang kafir itu pemimpin-pemimpin selain daripada orang-orang yang beriman.”